

TR 6:12:65

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN SUKAN SEMENANJUNG TENGGARA ASIA YANG KETIGA DI STADIUM MERDEKA KUALA LUMPUR PADA 14 DISEMBER, 1965

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Banginda Yang di Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Yang Teramat Mulia Tuanku Perdana Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun.

Patik sebagai Yang Di Pertua Persekutuan Sukan Semenanjung Tenggara Asia dengan hormat takzimnya menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Ke bawah Duli Tuanku dan Seri Paduka Adinda Raja Permaisuri Agong kerana Duli-Duli Tuanku berdua telah sudi bercemar duli menghadiri istiadat yang bersejarah pada petang ini. Begitu juga patik menjunjung kasih sekali lagi kepada Ke bawah Duli Tuanku kerana telah berkenan mengisytiharkan pembukaan pertandingan sukan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Hari ini adalah sebenarnya bersejarah bukan sahaja bagi Malaysia bahkan bagi Tenggara Asia dan istiadat ini ialah istiadat yang cemerlang di dalam dunia sukan dan suatu tanda yang menyatakan tali muhibbah dan persaudaraan di antara negara-negara tetangga.

Sambil saya melihat pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang berbaris dengan cergas dan indahnya di hadapan kita ini iaitu ahli sukan yang datang dari Burma, Kemboja, Laos, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia untuk bersaing mengambil bahagian dalam medan sukan iaitu Sukan Semenanjung Tenggara Asia Yang Ketiga. Saya percaya, tuan-tuan dan puan-puan sekalian pun bersama-sama dengan saya berasa sukacita dan bangga.

Sebagai Yang Di Pertua Persekutuan Sukan Semenanjung Tenggara Asia, saya dengan amat sukacitanya mengucapkan selamat datang dengan perasaan yang penuh kemesraan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Kuala Lumpur iaitu tempat kita mengadakan pertandingan sukan ini.

Cita-cita hendak mengadakan pesta sukan ini - pesta sukan di antara negara-negara di Tenggara Asia adalah mula-mulanya dilahirkan di

Tokyo pada ketika berlangsungnya Sukan Asia dalam tahun 1958 yang lalu. Wakil-wakil dari negeri-negeri di Tenggara Asia yang mengambil bahagian dalam pertandingan sukan itu telah bersetuju hendak mengadakan satu Olimpik kecil sendiri di Tenggara Asia ini sekali pada tiap-tiap dua tahun. Cadangan ini telah mendapat sokongan dengan sepenuhnya dan pertandingan yang pertama telah diadakan di Bangkok pada tahun 1959, yang keduanya di Rangoon pada tahun 1961.

Pertandingan Sukan SEAP yaang bermula pada had ini adalah bagi kali yang ketiganya. Mulanya Phnom Penh dijadualkan untuk menjadi tuan rumah bagi pertandingan ini dalam tahun 1963, akan tetapi Kemboja telah tidak terdaya hendak menguruskan pertandingan-pertandingan ini pada ketika itu, lalu kehormatan untuk mengadakan pertandingan ini telah berpindah kepada Malaysia. Kita telah menerima kehormatan ini dengan amat sukacita, dengan tangan dan dada yang terbuka.

Kami di Malaysia ini sangat-sangat gembiranya menjadi tuan rumah kepada pertandingan yang bersejarah ini kerana kami mempunyai kepercayaan yang penuh bahawa jalan yang baik sekali untuk menunjukkan persahabatan di antara bangsa ialah melalui pertandingan sukan, dengan perasaan muhibbah dan saling mengerti serta dengan semangat bersukan yang sebenar-benarnya. Dalam medan sukan ini peserta-peserta lelaki dan perempuan daripada beberapa negeri dapat berjumpa, beramah tamah dan berkenalan di antara satu dengan lain dengan tidak menghiraukan bangsa atau pun perasaan tinggi rendah di antara satu dengan lain. Di sini bukanlah wang yang dikehendaki atau dapat dikejar, tetapi yang dipuja ialah kehormatan dan kegemilangan melalui kejayaan. Tiap-tiap seorang atau pun tiap-tiap pasukan sedar bahawa menang kalahnya adalah bergantung kepada kekuatan dan kehendaknya sendiri.

Kami di Malaysia adalah mencuba dengan seberapa daya upayanya untuk menjaga dan membolehkan rakan-rakan kami yang menyertai pesta sukan ini berada di Kuala Lumpur dalam keadaan yang sempurna. Kami berharap tiap-tiap orang daripada rakan-rakan kami itu dapat tinggal di negara kami ini dengan penuh gembira dan kesukaan. Begitu juga kami harap mereka itu pada masa berada di Malaysia ini faham dan mengetahui bahawa kami rakyat Malaysia adalah sebenar-benarnya ingin kepada persahabatan dan saling mengerti di antara bangsa-bangsa yang duduk di Tenggara Asia ini. Kami di Malaysia sentiasa bercita-cita hendak hidup dalam keadaan aman damai dengan negara-negara tetangga, hormat menghormati kemerdekaan dan cara hidup kita bersama supaya negara-negara di sini dapat mara hadapan dengan kerjasama yang baik dan tali persahabatan yang kuat untuk menuju ke arah kemajuan dan kebahagiaan.

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya mempersilakan Dili Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong apalah kiranya sudi mengisytiharkan pembukaan Sukan Semenanjung Tenggara Asia Yang Ketiga ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein ketika menerima jemputan dari Jeneral Polis Luang Chartrakarnkosol pada 14 Disember, 1965. Malaysia telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam Sukan Asia yang ke 5 yang akan diadakan di Thailand dalam bulan Disember, 1966.